

 Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home &gt; Berita Harian &gt; 3 September 1960 &gt; Page 6 &gt; Kursus tata ra'ayat kapada orang kampong membawa kesan yg baik

## Kursus tata ra'ayat kapada orang kampong membawa kesan yg baik

Berita Harian, 3 September 1960, Page 6

 Article also available on Microfilm Reel NL2821 Add to Citation Previous ArticleNext Article  Previous PageNext Page 

# Kursus tata ra'ayat kapada orang kampong membawa kesan yg baik

USAHA MERAPATKAN HUBONGAN PA'AYAT DGN PEMERINTAH

 Oleh

# Mansor Tobeng

PADA hari Sabtu,  
27 August 1960  
berlangsung-lah sa-  
hari suntok kursus  
'Tata Ra'ayat' bagi  
40 orang penduduk2  
yang mewakili kam-  
pong2 seluruh Ke-  
dah Selatan dalam  
daerah2 Kulim dan  
Bandar Baharu di-  
Kelab Ibrahim, Ja-  
las Raya, Kulim.

Peserta2 yang  
menghadiri kursus  
tersebut telah di-be--  
rikan sharahan2 khas  
dan di-bawa mela-  
wat pusat2 dan ja-  
batan2 yang musta-  
hak dalam kehidu-  
pān mereka sa-hari2  
terutama sa-bagai  
penduduk kampong.



## Information ^



Newspaper:

Berita Harian

Date:

3 September 1960

Reel Number:

NL2821

Share     

## Table of Contents ^

&lt; Previous | Page 6 | Next &gt;

Selaran2 peribadi: ra'ayat hampa MIMBAR Perak. TAHIR SAMAD ŠAYA menyokong penoh renchana penararans

### GARA2 KUNJONGAN 'PAK RAJA' KA-K. LUMPUR BAHARU2 INI

GARA2 KUNJONGAN 'PAK RAJA' KA-K. LUMPUR BAHARU2 INI CHORAT CHORET RADIO DAMAK KITA

### Halaman 6 Yang Lain-lain Ruangan 1

Ikuti-lah Bintang 12 dalam Berita Harian tiap2 hari Sabtu CAPRICOBK (21 Dec. v I 19 Jan.): Satu. keputusan

 View Full Table of Contents >

Dengan berakhirnya kursus yang di-anjarkan oleh Jabatan pererangan Kawasan Kedah Selatan itu, maka kesan baik yang di-tinggalkan kepada sa-tiap peserta-nya supaya bertanggong jawab terhadap melaksanakan berbagai2 rancangan dalam usaha pembangunan negara bersama pemerintah tidak-lah dapat di-nafikan.

### **TERBUKTI**

Ini terbukti. sa-telah beberapa orang dari peserta2 itu menerangkan kapada saya, bahawa mereka berpuas hati terhadap kursus2 itu yang mendorong satu pembaharuan jiwa dan semangat untuk mereka bersama2 dengan penoh tanggong jawab melaksanakan rancangan2 pemerintah.

Kursus tata ra'ayat itu telah di-isi dengan sharanan2 pada sa-

belah pagi-nya, sa-baik sahaja upachara pembukaan rasmi-nya di-lakukan oleh Pegawai Daerah Kulim, Inche Sha'ari b. Haji M. Daud yang kemudian-nya telah meneruskan achara yang ditugaskan kapada-nya dalam perkara 'Pembangunan Luar Bandar'.

### **TARAF HIDUP**

Sa-laku pengerusi jawatankuasa pembangunan luar bandar Daerah Kulim beliau telah menerangkan bahawa untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat di-kampong2 terutama dalam mem-

berikan beberapa kemudahan kapada mereka ranchangan2 lima tahun yang meneruskan belanja sa-banyak sa-puloh juta lebih bagi daerah Kulim dan lebih dua belas juta bagi daerah Bandar Baharu telah di-siapkan oleh jawatan-k u a s a 2 pembangunan l u a r bandar di-kedua2 daerah tersebut.

Sementara itu beliau mengharapkan sa-moga tiap2 ra'ayat dikampung2 bersedia bersama2 dengan jawatankuasa tersebut b a g i melaksanakan ranchangan2 yang telah di-siapkan itu.

## MUHIBBAH

Sharahan yang sangat menarek hati dalam kursus itu ia-lah berkenaan 'Muhibbah dalam masharakat' yang di-berikan oleh Pendaftar Sekolah2

Ugama Kedah, Tuan Haji Sheikh Abdul Halim b. Othman, sa-laku pengurusi jawatankuasa kerja, jawatankuasa muhibbah negeri Kedah.

Dalam ceramah yang mengambil masa lebih satu jam belum telah menerangkan masa alih perpecahan yang berlaku di-kalangan masharakat kampong2 di-negeri ini kerana salah faham yang berpuncha dari berlainan faham politik parti2 yang dimasuki oleh mereka

dan pertentangan hebat berlaku dengan ada-nya pilehan raya2 yang baru lalu.

"Parti2 politik yang tuan2 masuki itu akan banchor dan musnah

sa-kira-nya, masharakat yang menjadi puncha kekuatan sa-suatu umat dan sa-sabuah negara itu kuchar kachir dan berpechah belah," kata beliau.

Beliau telah menge-mukakan asas2 Islam yang mengutamakan perpaduan dalam ma-sharakat manusia.

Majlis itu telah rioh rendah dengan gelak ketawa, bila Tuan Haji Sheikh Abdul Halim menerangkan gelagat pemimpin2 politik di-kampong2 yang me-nyebabkan perpecha-han di-kalangan pen-

dudok2 itu sendiri hingga tidak bertegor sapa lagi walau pun mereka itu satu ke-luarga.

## KESIMPULAN

Sa-bagai kesimpulan dari sharahan-nya itu, beliau telah menyeru supaya tiap2 peserta kursus itu dan orang ramai di-negeri ini membuangkan sen-timen kepartaian da-lam usaha2 mashara-kat demi kepentingan pembéaan negara un-tuk menchapai kese-

lamatan di-dunia dan di-akhirat.

Timbalan Pegawai Penerangan Negeri Ke-dah dan Perlis, Tuan Wan Omar b. Wan Hamid yang bersharah dalam tajuk 'Membena bangsa dan negara' telah menarek kesim-pulan peserta kursus tersebut bahawa baha-sa dan kebudayaan ke-bangsaan ada-lah sa-tu alat yang penting untk membena satu bangsa di-Persekutuan Tanah Melayu

yang mengandungi berbagai2 bangsa dan aliran keturunan darah.

Beliau telah menyembut juga beberapa perkara penting yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai tu-

juan tersebut dari sa-masa ka-samasa supaya terbentuk satu bangsa yang menchurahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Persekutuan Tanah Melayu.

Selesai sahaja makan tengah hari di-Kelab Ibrahim itu yang di-kelolakan oleh pegawai Luar Jabatan Penerangan Kawasan Kedah Selatan, Inche Rozali b. Ahmad sa-bagai pengu-rus kursus itu, peserta2 tersebut telah di-bawa melawat Jabatan Pertanian Pulau Pinang

di-Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam, 6 batu dari Kulim.

Peserta2 tersebut telah tertarek hati dengan jabatan tersebut yang mengadakan latehan2 khas mengenai pertanian dan ternakan kepada penduduk2 kampong di-Pulau Pinang yang bergilir2 dalam masa2 yang tertentu.

Kebetulan pula sa-waktu lawatan mereka itu sa-rombongan wanita2 kampong dari seluroh Seberang Prai dan Pulau Pinang sedang mengambil latehan dalam perkara2 tersebut.

Peserta2 kursus itu telah di-beritahu oleh pihak jabatan pertanian di-Cherok Tok Kun itu, bahawa penuntut2 di-jabatan itu salain dari di-berikan latehan2 mengenai pertanian dan ternakan sa-chara teori dan praktik, mereka di-beri juga sharahan2 mengenai ugama, pentadbiran negeri, sharikat kerjasama, Rida dan lain2 lagi.

Semua-nya itu sa-suai

dengan penghidupan mereka di-kampong3 untuk manfaatkan taraf hidup

mereka sa-taraf dengan penduduk2 di-bandar2 yang menjadi tujuan rancangan pembangunan luar bandar sekarang ini.

Peserta2 kursus tersebut sangat tertarik hati dengan latehan2 di-jabatan pertanian itu dan mereka menyatakan harapan samoga kerajaan Kedah dan Persekutuan mengambil berat terhadap latehan2 yang seperti itu kepada penduduk2 negeri Kedah dan lain2 negeri, terutama penduduk2 kampong di-Kedah Selatan lelaki dan perempuan.

### **BERFAEDAH**

Salah sa-orang peserta, Inche Othman b. Yahaya dari Sungai Kob, telah memberitahu saya, latehan2 khas mengenai pertanian dan ternakan di-jabatan pertanian itu sangatlah berfaedah untuk penduduk2 kampong yang kebanyakannya terdiri dari petani2 dan penternak2.

Kehinginan Peserta2 yang mengunjungi jabatan pertanian untuk turut serta dalam latehan2 khas seperti itu telah menyebabkan pengelola kursus itu terpaksa menchatetkan kemauan mereka untuk disampaikan ka-pengetahuan kerajaan negeri Kedah.

Dalam lawatan mereka ke-Hospital Daerah Kulim, peserta2 itu telah di-bawa melawat ka-bilek X-ray dan bilek pembelahan dengan arahan Pegawai Perhubatan Kedah Selatan, Tuan Doktor Haji Ahmad b. Haji Othman.

Mereka telah di-tunjok dan di-terangkan satu persatu terutama sa-kali mengenai screening sa-bagai usaha menchegah penyakit batok kering dan pengambilan darah dari penderma2 darah.

Dalam satu majlis chermah di-Kelab Hospital Kulim, Pegawai Perhubatan Kedah Selatan itu telah menerangkan tentang belanja2 yang banyak di-habiskan oleh kerajaan untuk mengubati penyakit tiap2 ra'ayat negeri.

### **DERMA DARAH**

Beliau telah menyeru supaya orang2 kampong memberikan pertulungan kapada Hospital dengan mendermakan darah mereka untuk kegunaan orang2

yang memerlukan darah. Turut memberikan uchapan dalam majlis yang disertakan dengan jamuan teh itu ia-lah Yang Berhormat Tuan Hanafi b. M. Yunus, ahli Dewan Ra'ayat kawasan Kulim-Utara yang antara lain telah menegaskan tentang betapa mustahak-nya kursus itu untuk merapatkan hubungan ra'ayat dengan kerajaan.

Pengurus Kursus Tata Ra'ayat, Inche Razalli telah menyatakan terima kasihnya kepada semua pehak yang turut menjayakan kursus tata ra'ayat anjoran jabatan penerangan kawasan Kedah Selatan, bagi pehak Pegawai-nya, Tuan Teoh Chin Telik.



## Related Articles



No related article found.

